



siaran media

**UNTUK TERBITAN SEGERA
SELASA 1 OGOS 2017**

TERAJU melantik GRA Communications sebagai perunding perhubungan awam dan pengurusan media sosial

PETALING JAYA --- Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah melantik firma perunding perhubungan awam GRA Communications Sdn Bhd sebagai perunding perhubungan awam dan pengurusan media sosial berkuatkuasa serta-merta.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, TERAJU berkata, "GRA telah dilantik untuk melakar dan melaksanakan strategi bagi jenama TERAJU dan kami teruja terhadap prospek yang bakal membawa kami maju ke hadapan."

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada 8 Februari 2011 sebagai unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan menerajui, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Bertindak sebagai 'Game Changer', TERAJU dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkukuhkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkukuh keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Sehingga kini, TERAJU telah berjaya mencipta nilai sebanyak RM112 bilion untuk Bumiputera, mencipta lebih daripada 43,000 peluang pekerjaan, RM13.29 bilion pelaburan swasta Bumiputera dari Dana Mudahcara, serta mencatat sebanyak RM8.6 bilion modal pasaran daripada penyenaiaan syarikat-syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia.

Kerangka kejayaan TERAJU dibina menerusi kerjasama Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di bawah 24 buah kementerian dan Jabatan Perdana Menteri. UPEB diselia oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia. Inisiatif-inisiatif pula dilaksanakan bersama-sama dengan agensi kerajaan di pelbagai peringkat, koridor-koridor ekonomi, GLC/GLIC dan sektor swasta.

SIARAN MEDIA disediakan dan diedarkan bagi pihak **UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA** oleh firma perunding perhubungan awam **GRA COMMUNICATIONS SDN BHD**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Ghazalie Abdullah** +6017 336 1090 atau **Yusuf Abd Alim** +6013 250 5504 atau **Abd Azim Shakron** +6019 385 1095.